

**STRES DALAM KALANGAN JURURAWAT  
HOSPITAL KUALA LUMPUR**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**OLEH :**

**SAKINAH MAT ZIN (265405)**

**NAZLIN EMIEZA NGAH (249939)**

**RUSNAH ISMAIL (242813)**

**OGOS 2012**

# KANDUNGAN

Surat Penghantaran Laporan.....	i
Surat Tawaran (Geran Penyelidikan).....	ii
Penghargaan .....	iii
Prakata.....	iv
Abstrak.. ..	v
Bab 1: Pengenalan .....	1
1.1 Latarbelakang Kajian.....	1
1.2 Penyataan Masalah.....	3
1.3 Persoalan Kajian.....	4
1.4 Objektif Kajian.....	4
1.5 Kepentingan Kajian.....	4
1.6 Batasan Kajian.....	5
1.7 Definisi Operational.....	5
Bab 2: Kajian Ilmiah.....	7
2.0 Pengenalan.....	7
2.1 Faktor Psikologi.....	8
2.2 Faktor Gelagat.....	9
2.3 Faktor Fisiologi.....	11
2.4 Stres.....	13
2.5 Kesimpulan.....	14
Bab 3: Kaedah dan Rekabentuk Kajian.....	15
3.0 Pengenalan.....	15
3.1 Hipotesis.....	15
3.2 Model Konseptual.....	16
3.3 Rekabentuk Kajian.....	17
3.4 Kaedah Pengumpulan Data.....	17
3.5 Kaedah Persampelan.....	19
3.6 Analisis Data.....	20
Bab 4: Hasil Kajian dan Analisis.....	21
4.1 Analisis Taburan Kekerapan.....	21
4.2 Analisis Korelasi Pearson.....	22
4.3 Analisis Regresi Berganda.....	25
4.4 Anova.....	27
Bab 5: Kesimpulan dan Cadangan.....	32
5.1 Kesimpulan.....	32
5.2 Cadangan penambahbaikan .....	34
5.3 Cadangan kajian di masa hadapan.....	34
Bab 6: Bibliografi	
Lampiran	

## Surat Penghantaran Laporan

Tarikh : 10 Julai 2012  
Kod Projek : 600—RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (82/2011)  
Kategori Projek : Kategori F (2011)

Dr Wan Mohd Nazif W Mohd Nori  
Koordinator RMU  
UiTM (Terengganu)

Dr.,

### **LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN ‘STRES DALAM KALANGAN JURURAWAT HOSPITAL KUALA LUMPUR’**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan senaskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk ‘**STRES DALAM KALANGAN JURURAWAT HOSPITAL KUALA LUMPUR**’ oleh kumpulan Penyelidik dari Fakulti Pengurusan Perniagaan untuk makluman pihak Dr.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

**SAKINAH MAT ZIN**  
Ketua Projek

## **Prakata**

Kajian ini dibuat untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan jururawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL). HKL dipilih kerana ia merupakan sebuah hospital yang mempunyai jururawat yang berkhidmat di pelbagai jabatan dan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk sekitar, khususnya warga Kuala Lumpur. Kajian diskriptif telah dipilih sebagai rekabentuk dan kaedah kajian. Sebanyak 400 soalan telah diedarkan kepada jururawat meliputi Jabatan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Ortopedik, Jabatan Pembedahan dan Jabatan Psikiatrik. Analisa data ini menggunakan perisian statistik untuk kajian sains sosial (SPSS) versi 15. Dapatan kajian yang dibuat menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah bersandar dan ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar di mana faktor gelagat merupakan faktor yang paling utama menyumbang kepada stres dalam kalangan jururawat HKL. Berdasarkan hasil kajian yang dibuat, pengkaji merumuskan bahawa faktor yang berkait dengan psikologi, fisiologi dan gelagat merupakan penyebab utama berlakunya stres dalam kalangan jururawat yang bertugas di HKL. Penyelidik mencadangkan kajian yang lebih menyeluruh juga perlu bagi memahami konsep kerja dan bebanan profesion kejururawatan bagi mencari penyebab dan penyelesaian yang lebih teliti terhadap masalah stres dalam kalangan jururawat.

## **Abstrak**

Kajian ini dibuat untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan jururawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL). HKL dipilih kerana ia merupakan sebuah hospital yang mempunyai jururawat yang berkhidmat di pelbagai jabatan dan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk sekitar, khususnya warga Kuala Lumpur. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mendapatkan bukti ilmiah tentang hubungan di antara pembolehubah bersandar iaitu stres di kalangan jururawat HKL dan tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor psikologi, fisiologi dan gelagat. Objektif kedua kajian ini dibuat ialah untuk menentukan faktor yang paling utama menyebabkan stres dalam kalangan jururawat di HKL serta mengenalpasti profil demografi jururawat yang paling menyumbang kepada kejadian stres di kalangan jururawat tersebut. Kajian diskriptif telah dipilih sebagai rekabentuk dan kaedah kajian. Sebanyak 400 soalan telah diedarkan kepada jururawat meliputi Jabatan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Ortopedik, Jabatan Pembedahan dan Jabatan Psikiatrik. Analisa kepada kajian ini merangkumi Ujian Kekerapan profil demografi responden, Ujian Kebolehpercayaan, Ujian Korelasi Pearson, Ujian Regresi Berganda dan Analisis Varian Sehala (ANOVA). Dapatan kajian yang dibuat menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah bersandar dan ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar di mana faktor gelagat merupakan faktor yang paling utama menyumbang kepada stres di kalangan jururawat HKL. Hasil kajian terhadap profil demografi responden mendapati bahawa jururawat yang berkhidmat kurang dari sepuluh tahun merupakan bilangan paling ramai yang mengalami stres. Berdasarkan hasil kajian yang dibuat, pengkaji merumuskan bahawa faktor yang berkait dengan psikologi, fisiologi dan gelagat merupakan penyebab utama berlakunya stres dalam kalangan jururawat yang bertugas di Hospital Kuala Lumpur. Pengkaji mencadangkan lebih ramai jururawat ditempatkan di hospital bagi menangani masalah bebanan kerja dan memperbanyakkan kursus motivasi kerja dan pengurusan stres secara efektif. Penyelidik-penyelidik kajian juga perlu lebih memahami konsep kerja dan bebanan profesion kejururawatan bagi mencari penyebab dan penyelesaian terhadap masalah stres dalam kalangan jururawat. Untuk kajian di masa hadapan, pengkaji mencadangkan agar kajian stres ini dilakukan di hospital swasta agar perbandingan tahap stres dalam kalangan jururawat dapat dibuat. Ini adalah kerana gred gaji dan jumlah pesakit di hospital bukan kerajaan adalah berbeza dengan hospital kerajaan.